

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (11)

Tarikh : 28 Januari 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2019

CAJ PERKHIDMATAN BERHUBUNG PENILAIAN KESETARAAN KELAYAKAN ANTARABANGSA (PERINGKAT MENENGAH) BAGI TUJUAN KEMASUKAN KE PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) menjalankan penilaian kesetaraan kelayakan antarabangsa (peringkat menengah) bagi tujuan kemasukan ke Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia. Sehingga kini, MQA telah menerima banyak permohonan daripada individu (ibu-bapa atau pelajar), PPT, *Education Malaysia Global Services* (EMGS), pemberi pinjaman pelajaran dan institusi latihan. Setiap permohonan yang diterima oleh MQA diproses **tanpa mengenakan sebarang caj perkhidmatan**.

3. Merujuk kepada Seksyen 7(2)(e) Akta MQA 2007 [Akta 679], MQA boleh mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Sehubungan itu, caj perkhidmatan yang sewajarnya telah ditetapkan bagi kelayakan yang telah tersenarai atau tidak tersenarai dalam Senarai Kelayakan Antarabangsa yang dinyatakan pada laman web MQA seperti di bawah:

Bil.	Senarai Kelayakan Antarabangsa	Caj (RM)	
		Individu	Lain-Lain
1.	Tersenarai	200.00	500.00
2.	Tidak tersenarai	500.00	1,000.00

4. Caj perkhidmatan berhubung penilaian kesetaraan kelayakan antarabangsa peringkat menengah bagi tujuan kemasukan ke PPT di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 01 Mac 2019**. Tatacara permohonan berkaitan penilaian boleh dirujuk pada laman web MQA.

5. Pihak MQA berharap agar semua PPT mengambil maklum mengenai kadar caj perkhidmatan tersebut bagi melancarkan proses penilaian kesetaraan kelayakan antarabangsa peringkat menengah yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik &
Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Tingkat 9, Canselori
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR